

19/09/2003

Emas, rekod di Megalanes

Haryani Ngah; Ahmad Fiesal Othman

KEMARAU 24 tahun tanpa pingat emas kini berakhir selepas Malaysia muncul juara acara berpasukan wanita di Kejohanan Bowling Dunia di Pyramid Megalanes, Bandar Sunway semalam.

Gandingan Shalin Zulkifli, Wendy Chai, Choy Poh Lai, Sarah Yap dan Sharon Chai itu bukan saja menamatkan pencarian 24 tahun tetapi jumlah 6,208 pin itu turut mencatat rekod baru kejohanan dengan memadam catatan 6,183 pin dilakukan wanita Korea Selatan di Abu Dhabi empat tahun lalu.

Pingat emas itu juga adalah yang pertama dimenangi pemain bowling wanita negara selepas skuad lelaki memenangnya menerusi gandingan J B Khoo, Allen Hooi, Edward Lim pada 1979.

Kemenangan itu juga bermakna janji skuad negara kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ikrar mereka sebelum kejohanan untuk menghadiahkan pingat emas sebagai hadiah persaraan Perdana Menteri kini sudah tertunai.

Wanita negara yang menamatkan tiga permainan blok pertama dengan berada di kedudukan keempat kelmarin bangkit pada tiga perlawanan terakhir.

Shalin yang kurang memberangsangkan dalam tiga acara awal menjadi pemain terbaik negara acara berpasukan dengan mengumpul 1,394 pin. Ratu bowling negara itu melakukan 258, 203, 246, 209, 266 dan 212.

Wendy pula melakukan catatan sederhana pada tiga permainan pertama menerusi 187, 214 dan 220, muncul pemain terbaik semalam menerusi 211, 277 dan 215 untuk mengumpul 1,324 pin.

Choy Poh Lai yang paling konsisten sepanjang kejohanan turut tidak menghepakan dengan 1,233 diikuti Sarah Yap 1,126 dan pemain paling muda, Sharon Chai yang mencatat 1,131 pin.

Kegembiraan muncul juara itu membuatkan jurulatih negara, Holloway Cheah tidak mampu mengungkap kata-kata kerana terlalu terharu dengan pencapaian anak buahnya.

"Akhirnya kita berjaya melaksanakannya walaupun pada peringkat awalnya ia terlalu sukar, namun semangat juang yang ditunjukkan pemain negara sehingga tamat perlawanan mampu membuahkan hasil.

"Saya bangga dengan mereka terutama Shalin yang bangkit dalam acara berpasukan selepas ketinggalan dalam acara lain.

"Sharon pula walaupun dia paling kurang pengalaman tetapi berjaya membuktikan keupayaannya untuk membantu skuad negara," katanya.

Bagi Wendy yang menjadi pemain terbaik negara semalam berkata permainan mereka begitu hebat dan sepanjang beraksi dalam acara berpasukan mereka tidak memikirkan berapa jumlah jatuhan yang dikumpul serta kedudukan mereka.

"Kami saling mengingatkan satu sama lain agar bermain dengan baik dan memastikan setiap balingan dapat strike.

"Kami langsung tidak rasa tertekan sebaliknya masing-masing merasakan keseronokan beraksi di samping sokongan padu penyokong yang berada di belakang kami.

Di sebalik kemenangan itu, lima pemain terbabit mengucapkan terima kasih kepada Lai Kin Ngoh yang sanggup berkorban untuk melepaskan peluang beraksi dalam acara berpasukan dan tempatnya digantikan Sharon.

Dia melakukannya kerana sedar sukar buat pemain kidal beraksi dengan baik di lorong itu.

Dengan kelebihan 97 pin, skuad negara mengetepikan cabaran Sweden yang dibarisi Eva Jonsson, Helen Jonsson, Christel C, Linda Haglund dan Malin Glendert yang melakukan 6,111 pin.

KEPUTUSAN

Berpasukan Wanita Akhir: 1 Malaysia (Sarah Yap, Choy Poh Lai, Sharon Chai, Wendy Chai, Shalin Zulkifli) 6,208 jatuhan pin; 2 Sweden (Eva Jonsson, Helen Johnsson, Christel Carlsson, Linda Haglund, Malin Glendert)

6,111; 3 Colombia (Paola Gomez, Sara Vargas, Luz Adriana Leal, Rocio Restrepo, Clara Guerrero, Margarita Roa) 6,066  
Wanita All-Events: 1 Zara Glover (Eng) 5,286 jatuhan pin; 2 Diandra Hyman (Usa) 5,219; 3 Liza Clutario (Phi) 5,083 ... 15 Wendy Chai (Mas) 4,872 16. Shalin Zulkifli (Mas) 4,865 ... 55 Sarah Yap 4,632 ... 85 Sharon Chai 4,492 ... 107 Lai Kin Nghoh 4,394